

# Sokong Samy Vellu

Penyokong-penyokong Menteri Kerja Raya dan Kemudahan Awam, Datuk S. Samy Vellu (dua dari kanan) mengerumuni beliau sebaik sahaja keluar dari Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur tengah hari semalam selepas menghadiri satu majlis pertemuan dengan Ahli Parlimen DAP, Karpal Singh.

Encik Karpal mengulangi di depan khalayak ramai dakwaan yang dibuatnya dalam Dewan Rakyat baru-baru ini berhubung dengan urusan tanah Datuk Samy Vellu.

Encik Karpal Singh mengambil masa 20 minit membaca di depan Datuk Samy Vellu laporan Parlimen (Hansard) yang mengandungi dakwaan-dakwaan yang dibuatnya di Dewan Rakyat 15 Oktober lalu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia